

# Hikayat Raja Nazir Syah: Analisis Kepimpinan

## Hikayat Raja Nazir Shah : Leadership Analysis

Muhamad Farhan Kamarjan  
Zubir Idris

Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Zubir Idris (zidris@ukm.edu.com)

### ABSTRAK

*Kertas kerja ini membincangkan tentang persoalan kepimpinan yang terdapat dalam teks kesusasteraan Melayu tradisional. Hikayat Raja Nazir Syah telah digunakan sebagai data kajian. Untuk meneliti aspek tersebut, model kepimpinan digunakan bagi mengkaji aspek kepimpinan yang terdapat di dalam teks. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa aspek kepimpinan di dalam teks yang dikaji, yang boleh dimanfaatkan oleh khalayak pembaca, khususnya kepada pemimpin. Antaranya ialah bertanggungjawab terhadap rakyat dan negara, menunaikan amanah, berlaku adil terhadap rakyat, mengamalkan sistem muafakat dalam pentadbiran dan mengatur strategi ketenteraan yang berkesan. Aspek-aspek kepimpinan yang dibentuk mengikut kesesuaian di dalam Hikayat Raja Nazir Syah ini merupakan salah satu cara yang dapat digunakan sebagai pengajaran dan pedoman kepada pemimpin.*

**Kata Kunci:** model kepimpinan, bertanggungjawab, amanah, adil, muafakat, strategi ketenteraan

### ABSTRACT

*This paper discusses the question of leadership in traditional Malay literary texts. Hikayat Raja Nazir Shah has been used as research data. To examine these aspects, the leadership model was used to study the aspects of leadership that are present in the text. The study found that there are some aspects of leadership in the texts studied, which can be exploited by an audience of readers, especially the leaders. Among them are responsible for the people and the country, to fulfill the trust, justice to the people, have a system of consensus in the administration and organize an effective military strategy. Aspects of leadership to be formed as appropriate in the Hikayat Raja Nazir Shah is one of the ways that can be used as teaching and guidance to the leader.*

**Keywords:** leadership model, responsible, trust, justice, consensus in the administration, military strategy

## 1. Pengenalan

Kepimpinan dalam sesebuah masyarakat adalah suatu aspek yang penting. Pemimpin merupakan individu yang boleh mempengaruhi orang lain dalam sesebuah kumpulan untuk membuat sesuatu bagi mencapai matlamat yang dipersetujui bersama. Kepimpinan penting

dalam mencirikan hubungan manusia khususnya pemimpin dan pengikutnya. Kepimpinan ialah tindakan atau aksi manusia yang berpengalaman dan mempunyai kebolehan serta kecekapan, kewibawaan, dan dedikasi yang diserahkan kepadanya untuk memimpin masyarakat ke jalan yang baik dan berjaya menyatukan masyarakat seperti yang dicita-citanya. Hal ini tergambar dalam manuskrip *Hikayat Raja Nazir Syah* yang menonjolkan beberapa aspek kepimpinan berdasarkan watak utama Raja Nazir Syah dan Raja Benua Keling sebagai seorang pemimpin yang berkepimpinan.

Teks manuskrip *Hikayat Raja Nazir Syah* merupakan karya yang mempunyai nilai-nilai kepimpinan yang perlu ada kepada seseorang pemimpin ataupun pemerintah. Selain itu, karya ini juga bertujuan untuk memberi gambaran kepada pembaca tentang tanggungjawab pemerintah kepada rakyat dan tanggungjawab rakyat kepada pemerintah dan negara. Sehubungan itu, kajian ini meneliti dan mengungkap apakah aspek-aspek kepimpinan yang terdapat di dalam *Hikayat Raja Nazir Syah* dan adakah ia boleh dijadikan sebagai pedoman dan menambahkan lagi ilmu pengetahuan tentang kepimpinan ini kepada masyarakat.

## **2. Sorotan Literatur**

Dalam konteks kajian kepimpinan, terdapat beberapa pandangan tokoh yang menyatakan tentang aspek-aspek kepimpinan ini. Antaranya ialah kajian oleh House dan Mitchell (1974) yang memperkenalkan empat gaya kepimpinan yang diamalkan oleh seorang pengarah. Antara gaya-gaya itu adalah seperti gaya kepimpinan mengarah iaitu merujuk kepada tingkah laku pemimpin yang menjelaskan kehendak, memberikan arahan tepat dan mengarah orang bawahan mengikut peraturan dan prosedur. Kedua ialah gaya kepimpinan berorientasikan pencapaian, mengutamakan kecemerlangan dan menunjukkan keyakinan bahawa orang bawahan akan mencapai tahap tinggi dalam tugas. Ketiga, gaya kepimpinan menyokong iaitu merujuk kepada tingkah laku pemimpin yang bertimbang rasa, menunjukkan prihatin terhadap kesejahteraan orang bawahan dan mewujudkan iklim kemesraan dalam kumpulan kerja dan terakhir ialah gaya penyampaian iaitu merujuk kepada tingkah laku kepimpinan yang meminta pandangan orang bawahan dan menggunakan pandangan mereka sebelum membuat keputusan.

Amstrong (1990) pula berpendapat kepimpinan adalah satu proses menyelesaikan sesuatu perkara oleh seseorang yang diiktiraf kewibawaannya dan apabila terdapat objektif yang perlu dicapai atau tugas yang perlu dilakukan. Ianya wujud apabila lebih daripada seorang individu diperlukan untuk melakukan sesuatu urusan. Drucker (1992) menyatakan kepimpinan merupakan suatu desakan dan mempunyai kaitan dengan “kualiti kepimpinan” dan “karisma”. Kepimpinan juga bersifat duniawi, tidak romantik, intipatinya adalah prestasi. Kepimpinan menumpu kepada isu dan proses perubahan dan pembaharuan seperti pembinaan jalinan kerjasama antara pemimpin atasan dengan pemimpin bawahan. Berhubung hal ini, Locke (1991) pula mengatakan kepimpinan yang berkesan dan baik perlu mempunyai sifat-sifat seperti bertenaga dan bercita-cita, pegangan kuat dan proaktif dalam mengejar matlamat, mempunyai keinginan untuk memimpin dan jujur dan berintegriti.

Jaafar Muhamad (1992) menyebutkan kepimpinan sebagai suatu seni atau proses mempengaruhi kegiatan manusia yang berkaitan dengan tugas mereka supaya mereka rela bergiat dan berusaha ke arah pencapaian matlamat organisasi. Bagi Ibrahim Mamat (1993), kepimpinan secara khususnya boleh diertikan sebagai usaha memberangsangkan orang-orang bawahan bekerja ke arah sesuatu matlamat, mempengaruhi kegiatan seseorang atau suatu kumpulan untuk mencapai matlamat dan mempengaruhi ahli-ahli lain untuk bekerja keras dengan sukarela bagi mencapai matlamat organisasi itu.

Razali (1993), mengatakan bahawa kepimpinan secara umum merupakan satu proses mengadakan perbincangan dan membuka ruang untuk pengikut mengemukakan idea-idea mereka sebelum sesuatu polisi dirumuskan dan akan memberikan kepuasan kepada pengikut mereka. Yulk (1994) memperjelaskan bahawa kepimpinan biasanya melibatkan sesuatu proses mempengaruhi orang lain di dalam satu organisasi dengan membina hubungan yang baik, menggerak aktiviti dan membantu subordinat ke arah mencapai matlamat organisasi.

Erika (2000) pula menyatakan tentang kepimpinan bukanlah sifat yang wujud secara semulajadi sebaliknya kebolehan tersebut terhasil dari peningkatan pengalaman yang dilalui. Menurutnya, kepimpinan mempunyai enam ciri pemimpin yang berkesan. Pertama, melepaskan dengan memberi kebebasan kepada orang yang terdekat dengan tugas untuk dibuat keputusan. Kedua, memberi galakan kepada kakitangan dan membantu mereka dalam dalam pekerjaan bila perlu. Ketiga, membina perhubungan yang baik berdasarkan kepercayaan. Kelima, membangunkan manusia dan kumpulan dan yang keenam capaian maklumat yang dibentuk oleh organisasi.

Wan Mohd Zaid Mohd Nordin (2003) dalam kajiannya pula menjelaskan bahawa kepimpinan adalah kebolehan yang mendorong manusia untuk berusaha dengan penuh keghairahan bagi mencapai matlamat yang dikenal pasti. Hussien Mahmod (2003) melihat kepimpinan sebagai suatu bentuk tingkah laku pemimpin bagi mencari penyelesaian masalah dan bagi mencari jalan untuk mencapai matlamat sesuatu organisasi itu. Gaya kepimpinan ialah satu kemahuan yang terselindung dalam diri pemimpin dan mempengaruhi dalam pelbagai suasana kepimpinan.

Hoy dan Miskel (2005) berpendapat bahawa kepimpinan adalah satu proses sosial yang merangkumi elemen rasional dan emosi. Kepimpinan juga menurut mereka adalah satu proses yang dikongsi oleh organisasi dan bukan milik seseorang pemimpin itu sahaja. Kepimpinan adalah cara seseorang pengaruh institut mempengaruhi kakitangan bawahannya supaya mereka dapat berusaha secara sukarela ke arah pencapaian visi, misi dan objektif institusi serta negara.

Terdapat juga kajian terdahulu tentang kepimpinan yang terdapat di dalam naskhah-naskhah lama seperti yang dibincangkan S. Othman Kelantan (1996) telah menyentuh aspek peribadi pemimpin menurut *Sejarah Melayu* yang menumpukan kepada ciri kebijaksanaan yang perlu ada kepada seseorang pemimpin masyarakat terutama dalam menghadapi zaman moden sekarang ini. Beliau menyatakan ciri kepimpinan Bendahara Paduka Raja Tun Perak yang dilukiskan dalam *Sejarah Melayu* dilihat menunjukkan ciri seorang pemimpin yang tulen sebelum dilantik sebagai bendahara.

Secara keseluruhannya, terdapat beberapa pandangan sarjana yang menyatakan tentang kepimpinan dalam kajian terdahulu. Namun kajian terhadap aspek kepimpinan yang terdapat dalam *Hikayat Raja Nazir Syah* masih belum dikaji. Oleh hal demikian, kajian ini bertujuan untuk merungkaikan tentang aspek kepimpinan yang terdapat dalam diri pemerintah yang digarap oleh pengarang dalam hikayat ini. Diharapkan melalui kajian yang dilakukan terhadap teks ini akan menambahkan lagi bahan kajian yang berkaitan dengan teks atau naskhah manuskrip yang bertemakan kepimpinan.

### **3. Metodologi Kajian**

Secara umumnya, kajian ini dijalankan ini akan menggunakan kaedah kajian perpustakaan. Metodologi kajian ini bersifat kualitatif yang menitikberatkan kepada pembacaan, pemahaman dan penafsiran untuk mencapai matlamatnya. Kaedah ini dipilih untuk

mengumpul maklumat atau data bagi digunakan sebagai panduan dan rujukan dalam proses menganalisis hikayat ini yang berbentuk kepimpinan. Justeru, segala maklumat yang berkaitan dengan hikayat atau kajian kepimpinan yang terdapat dalam jurnal, buku-buku, kertas kerja dan latihan ilmiah dirujuk untuk tujuan tersebut.

Kajian terhadap teks *Hikayat Raja Nazir Syah* menggunakan model kepimpinan bagi menganalisis aspek kepimpinan yang terdapat di dalam teks hikayat. Menurut Koontz dan O'Donnel (Amiruddin Mohd Yusof, 1990: 7), kepimpinan secara amnya adalah semata-mata bermakna pengaruh, satu seni atau proses mempengaruhi orang lain supaya berusaha secara sukarela ke arah pencapaian matlamat bersama. Menurut Fulmer (1988) pula, kepimpinan melibatkan keupayaan atau kekuatan untuk menyakinkan orang lain bagi bekerja keras ke arah sesuatu matlamat dan kemahiran atau kebolehan untuk membantu mereka mencapainya. Dalam menganalisis *Hikayat Raja Nazir Syah*, pengkaji akan menumpukan kepada lima pecahan utama kepimpinan seperti yang berikut:

**Model Kepimpinan:**

- 1) Bertanggungjawab terhadap rakyat dan negara
- 2) Mengamalkan sistem muafakat dalam pentadbiran
- 3) Mengatur strategi ketenteraan yang berkesan
- 4) Menunaikan amanah
- 5) Berlaku adil terhadap rakyat

Model kepimpinan seperti yang dinyatakan menjelaskan bahawa seorang pemimpin atau pemerintah perlulah bertanggungjawab terhadap kebajikan dan keselamatan rakyat dan negara daripada ancaman luar. Mengamalkan sistem bermuafakat dalam pentadbiran juga adalah penting bagi seseorang pemimpin untuk mendapatkan persetujuan dan sokongan orang bawahan yang lain supaya tidak berlaku pertentangan idea dan memberikan idea yang lebih berkesan lagi. Seorang pemimpin juga perlulah melaksanakan amanah seperti yang telah diamanahkan kepadanya. Untuk menjadi sebuah negara yang kuat dan mampu mempertahankannya dari ancaman musuh memerlukan strategi pertahanan dan peperangan yang berkesan dan ia perlu dirancang oleh seorang pemimpin yang berkepimpinan.

#### **4. Perbincangan Dan Dapatan Kajian**

Kepimpinan merupakan terbitan dari kata dasar 'pemimpin'. Pemimpin ialah seseorang individu yang dilantik bagi mengawal kelompok atau pengikut. Pemimpin menjadi orang terpenting dalam satu-satu kumpulan dengan mengetuai dan membimbing ahli-ahli yang lain (Cohen dan Prusak, 2001). Yulk (2002) menyatakan kepimpinan dikaitkan dengan proses struktur, penentu arah dan matlamat organisasi, mendorong, merangsang, menjadi sumber ilham, mencipta wawasan dan bertanggungjawab memberikan motivasi kepada mereka yang berada di bawah pimpinannya. Kepimpinan merupakan "jentera atau penggerak daripada sumber dan alat yang terdapat pada sesuatu organisasi" (Siagian, S.P. 1981:6). Pemimpin pula ialah orang yang menunjuk jalan, mengetuai, mengepalai satu bandar dan pertubuhan, melatih, mengasuh. Kepimpinan pula membawa maksud memimpin dan membimbing, manakala pemimpin pula ialah orang yang memimpin (T. Iskandar, 1970: 875).

Istilah kepimpinan dalam bahasa Inggeris disebut "*Leadership*". Pengertian ini banyak dikemukakan oleh sarjana kemasyarakatan baik dari Barat mahupun dari Timur Tengah. Antara ahli sosiologi Barat yang telah memberi pengertian tentang kepimpinan ini ialah C.I. Barnads (1948: 83) "Kepimpinan itu menunjukkan kepada nilai dari segi tingkahlaku

individu-individu kerana mereka yang memimpin orang lain atau cuba menjalankan sesuatu aktiviti di dalam satu-satu organisasi.” Menurut Fiedler (1967) pula, kepemimpinan merupakan salah satu aspek kehidupan sosial yang penting, ia mencirikan hubungan manusia khususnya di antara pihak pemimpin dan pengikutnya.

Menurut Syed Husin Ali (1975:11), kepemimpinan adalah fungsi pemimpin di dalam sesuatu masyarakat yang wujud hasil interaksi di antara orang-orang yang mempunyai kebolehan untuk melaksanakan pimpinan dengan keperluan yang timbul hasil keadaan yang tertentu dalam sesuatu ketika. Menurut Fathi Yakan (1984: 37), kepemimpinan adalah satu kemahiran berkomunikasi dengan fitrah manusia untuk mempengaruhi dan juga mengarah manusia ke arah mencapai matlamat dengan cara memastikan kepatuhan, kepercayaan dan penghormatan.

Dari segi istilah kepemimpinan dari sudut bahasa antaranya *Imamah, Khalifah, Qiyadah, Za'amah, Ria'ayah, Ri'asah*, dan *Siyadah*. Islam memberikan perhatian yang amat berat kepada kepemimpinan, malah ia menganggap kewujudan pemimpin dalam sesebuah masyarakat atau badan adalah satu perkara yang tidak boleh diabaikan, baik dalam sesebuah masyarakat organisasi atau negara. Kepimpinan dalam Islam merupakan satu tanggungjawab suci yang dipikul oleh seorang hamba Allah dan seorang khalifah di bumi untuk membawa manusia lain kepada matlamat hidup yang sesuai dengan kehendak Allah. Dalam erti kata yang lain kepemimpinan adalah perlaksanaan amanah, dan risalah yang mempunyai kesinambungan dengan tradisi kepemimpinan para Anbiya. Kepimpinan adalah ciri kemasyarakatan yang lahir hasil kerjasama seseorang dengan orang lain. Ia adalah ikatan yang amat diperlukan oleh sesuatu pertubuhan atau negara yang tugasnya menyusun interaksi seluruh anggota masyarakat sama ada dalam bentuk perseorangan atau kumpulan, yang masing-masing mempunyai tujuan tertentu. Kepimpinan yang penting dalam sistem kemasyarakatan ialah pemimpin yang dapat memberi contoh terbaik terhadap kepimpinannya atau dengan kata lain ialah kepemimpinan melalui teladan.

Berdasarkan pengertian yang telah dikemukakan oleh para sarjana, dapat dirumuskan bahawa kepemimpinan ialah tindakan atau aksi manusia yang berpengalaman dan mempunyai kebolehan serta kecekapan, kewibawaan, dan kededikasian yang diserahkan kepadanya untuk memimpin masyarakat ke jalan yang baik dan berjaya menyatukan masyarakat seperti yang dicita-citanya. Dalam hal ini pemimpin perlu menunjukkan tingkahlaku yang dapat diterima oleh semua masyarakat dan organisasi. Berdasarkan pentakrifan ini juga bahawa pemimpin secara umumnya boleh dikatakan sebagai satu istilah yang ditujukan kepada seseorang yang bertindak mengetuai atau mengepalai memimpin sesuatu masyarakat, kumpulan, badan, pergerakan dan sebagainya untuk mencapai matlamat kumpulan atau organisasi yang dipimpin.

Hasil pendapat daripada kajian tokoh-tokoh terdahulu dapatlah dikatakan bahawa kepemimpinan merangkumi aspek-aspek seperti berikut:

1. Mengarah
2. Mempengaruhi orang lain
3. Mendorong untuk mencapai matlamat
4. Menjaga hubungan dengan orang bawahan
5. Bijak mengawal masalah

Bagi menganalisis *Hikayat Raja Nazir Syah*, satu model kepemimpinan telah dibentuk bersesuaian dengan teks hikayat tanpa mengesampingkan pendapat yang telah diajukan oleh pengkaji seperti yang telah diberikan, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini (lihat metodologi kajian).

#### 4.1 Bertanggungjawab Kepada Rakyat dan Negara

Setiap pemimpin mempunyai tanggungjawab yang penting. Seorang pemimpin perlu menyedari dirinya sebagai seorang khalifah (pemimpin) yang mesti bertanggungjawab untuk memakmur, memperbaiki dan menegakkan keadilan serta mengamalkan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya, dalam semua urusan termasuk juga urusan kemasyarakatan dan kenegaraan. Nabi Muhammad SAW sendiri diutuskan untuk melaksanakan beberapa tugas besar seperti yang firman Allah SWT di dalam al-Quran maksudnya:

“Dan tidaklah kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang yang ingkar), akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).

(*Surah Saba': 28*)

Petikan daripada Surah Saba di atas memperjelaskan bahawa Nabi Muhammad SAW telah diutuskan kepada umat manusia untuk membimbing kepada jalan yang benar melalui wahyu yang diterima oleh baginda untuk disampaikan kepada umat-Nya. Nabi Muhammad telah berjaya menjadi satu *role model* kepada seluruh umat Islam terutamanya dari segi akhlak dan kepimpinan beliau sebagai pemimpin Islam. Rasulullah SAW telah berjaya membina Kota Madinah hasil keberkesanan dalam kepimpinan baginda. Baginda merupakan seorang ketua yang sentiasa bertanggungjawab kepada rakyatnya dan keselamatan negara.

Dalam konteks *Hikayat Raja Nazir Syah*, pengarang telah menggambarkan Raja Nazir Syah merupakan seorang raja yang bertanggungjawab terhadap kebajikan rakyatnya. Baginda telah menyampaikan sumbangan kepada rakyat Dali sehingga dikatakan tiada seorang pun rakyat Dali yang miskin selepas Raja Nazir Syah memberi harta baginda setelah berjaya mengalahkan Negeri Keling. Petikan berikut menggambarkan Raja Nazir Syah mengagihkan kekayaan baginda dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Baginda Raja Nazir Syah pun memberi anugerah akan segala rakyat isi negeri kecil besar tua muda serumpun tiada yang ketinggalan dan tiada terlindung lagi daripada sangat limpah kurnia baginda itu dan memberi sedekah akan fakir miskin dalam negeri Dali itu tiada dapat terkira lagi beberapa pula gedung disuruh oleh baginda keluarkan segala hartanya.

Maka sekalian fakir miskin dalam negeri Dali pun menjadi kayalah daripada sangat limpah kurnia baginda itu seorang pun tiada k-h-n miskin lagi. Maka sekaliannya pun terlalu sukacitanya seraya meminta doa baginda selamat sempurna datang kepada anak cucunya, biar bertambah-tambah juga kebesaran dan kemuliaannya.

(*Hikayat Raja Nazir Syah: 46*)

Frasa ayat “daripada sangat limpah kurnia baginda itu dan memberi sedekah akan fakir miskin dalam negeri Dali itu tiada dapat terkira lagi beberapa pula gedung disuruh oleh baginda keluarkan segala hartanya” dalam petikan tersebut menerangkan Raja Nazir Syah telah menitahkan supaya harta yang berada di dalam simpanan itu dikeluarkan dan diagihkan kepada rakyat. Kekayaan Raja Nazir Syah itu telah diberikan kepada rakyat sehinggakan tiada seorang pun di dalam Negeri Dali yang miskin pada pemerintahan Raja Nazir Syah pada waktu itu. Sikap bertanggungjawab terhadap rakyat telah menyebabkan baginda berjaya menjadikan Negeri Dali sebuah negara yang kuat dan mempunyai rakyat yang sentiasa siap

sedia mempertahankan negara daripada ancaman musuh. Rakyat negeri itu sentiasa mendoakan kesejahteraan kepada rajanya yang sentiasa menjaga kebajikan mereka.

Sifat bertanggungjawab dalam mempertahankan negara juga terdapat pada diri Raja Keling iaitu pemerintah Negeri Benua Keling. Raja Benua Keling telah mati dibunuh oleh Raja Nazir Syah di medan peperangan semasa mempertahankan negara itu daripada dicerobohi oleh Raja Nazir Syah dan angkatan tentera Dali. Raja Nazir Syah telah mengutuskan surat tawaran kepada Raja Keling supaya menghantar ufti dan bersetuju untuk menjadi jajahan takluk Negeri Dali, namun tawaran itu telah ditolak dan Raja Benua Keling sanggup berperang untuk mempertahankan negara itu daripada bernaung di bawah jajahan Raja Nazir Syah. Raja Nazir Syah telah memberi peluang kali kedua kepada Raja Benua Keling untuk berkhidmat dengan baginda, namun pelawaan itu sekali lagi ditolak oleh Raja Benua Keling. Perlawanan itu tolak disebabkan mahu berjuang sampai mati mempertahankan tanah air seperti mana yang dilalui oleh pahlawan-pahlawan sebelum ini seperti petikan berikut:

... “Hai Raja Nazir Syah! Kata apakah yang engkau katakan kepada aku ini dan sungguhpun engkau raja besar akan tetapi budi bicaramu itu kurang. Adakah adatnya segala raja yang besar-besar itu kepada segala mengadap lawannya ia undur dari medan peperangan itu. Jikalau ia sudah mati kalahlah negerinya demikian di tangan raja itu apakah yang banyak katamu lagi barang apa yang senjatamu itu datanglah kepada aku supaya aku terima dan jikalau aku sudah mati maka baharulah boleh berlaku kehendakmu dalam negeriku ini.”

*(Hikayat Raja Nazir Syah: 29-30)*

Petikan di atas telah memperlihatkan ketegasan Raja Benua Keling dalam mempertahankan Benua Keling daripada menjadi negeri naungan Negeri Dali dan mematuhi arahan Raja Nazir Syah. Raja Benua Keling juga telah memahami sebagai pemimpin, baginda perlu bertanggungjawab untuk mempertahankan kuasa dan negaranya daripada diceroboh oleh musuh. Kematian Raja Benua Keling adalah kematian yang bermaruah kerana mempertahankan negaranya, sedangkan baginda telah menerima tawaran untuk berkhidmat dengan Raja Nazir Syah. Sungguhpun demikian, baginda memilih untuk berjuang demi maruah dan membela tanah air walaupun, Raja Benua Keling tahu baginda akan mati di tangan Raja Dali itu. Jelaslah di sini bahawa bertanggungjawab kepada rakyat dan negara merupakan model kepimpinan yang sesuai dalam mengkaji aspek-aspek kepimpinan yang terdapat dalam *Hikayat Raja Nazir Syah* ini.

## **4.2 Pemerintah Berlaku Adil**

Adil di sini bermaksud memberi kepada yang berhak dengan tidak membeza-bezakan antara orang yang berhak dan tidak bertindak terhadap orang yang salah sesuai dengan kejahatan dan kelalaian tanpa pilih kasih (Ahmad Muhammad al-Hufy, 1978: 133). Adil dalam perkataan Arab membawa maksud pendirian yang lurus dan seimbang dan tidak menyebelah dan sama taraf. Dalam Islam pula, keadilan bermaksud pendirian yang lurus dan seimbang berasaskan kebenaran. Oleh itu, keadilan menolak segala bentuk keburukan dan penindasan yang timbul daripada tuntutan hawa nafsu manusia yang gelojoh. Hal ini dapat dikatakan bahawa keadilan itu memihak kepada yang benar dan sah. Keadilan juga dapat menolak keburukan serta menghindarkan kezaliman dalam diri seseorang yang kemudiannya akan memberi kebaikan dan hak kepada seseorang itu berdasarkan syariat Islam (Abdul Monir Yaacob, 1988).

Aspek kepemimpinan dalam *Hikayat Raja Nazir Syah* turut memperkatakan tentang pemimpin yang adil. Raja Nazir Syah merupakan raja yang adil dalam pemerintahannya. Keadilan ini dapat dikesan semasa baginda mengampunkan semua menteri-menteri dan rakyat Keling setelah berjaya menakluki Benua Keling itu. Hal ini juga dapat dilihat apabila Mangkubumi dan segala menteri-menteri Keling bersama-sama mengadap Raja Nazir Syah bermohon keampunan dan menjemput Raja Nazir Syah dan bala tentera masuk ke istana dan menyerahkan kunci khazanah Benua Keling kepada baginda. Petikan berikut menggambarkan peristiwa menteri-menteri Keling datang mengadap Raja Nazir Syah:

“Hai segala menteri dan hulubalang pahlawan sekalian! Apakah kehendak tuan-tuan sekalian ini datang kepada kita!” Maka segala Menteri itu pun sujud pula seraya berdatang sembah, “Ya Tuanku Syah Alam! Ampun tuanku beribu-ribu ampun. Dari bawah hadrat duli yang Maha Mulia akan yang diperhamba Syah Alam ini. Adapun yang diperhamba Syah Alam ini datang mengadap kebawah cerpu duli Yang Dipertuan kerana haraplah yang diperhamba akan ampun dan kurnia duli Yang Dipertuan juga kerana dahulunya lagi ada hayatnya Raja Keling itu, maka hamba Syah Alam sekalian menurut barang perintahnya akan sekarang baginda itu pun sudah hilang maka sekarang duli Syah Alam yang hamba sekalian pertuan dan mengerjakan barang tiada pernah Syah Alam. Dan lagi segala anak kunci khazanah Raja Keling itu pun adalah hamba Syah Alam sekalian bawa persembahkan kebawah cerpu Yang Dipertuan dan jikalau boleh kiranya baik juga Syah Alam berangkat masuk ke dalam kota itu melihat negeri Syah Alam supaya tenanglah segala rakyat isi negeri tuanku itu”.

(*Hikayat Raja Nazir Syah*: 37)

Petikan di atas menerangkan situasi semasa menteri-menteri Benua Keling datang mengadap Raja Nazir Syah setelah kematian Raja Benua Keling. Para pembesar Benua Keling memohon keampunan daripada Raja Dali itu kerana sebelum ini mereka telah menentang baginda semasa pemerintahan Raja Benua Keling. Raja Nazir Syah telah mengampunkan para pembesar itu dan memberikan anugerah sebagai tanda penghormatan kepada pembesar-pembesar itu. Raja Nazir Syah telah mengarahkan angkatan tentera Dali bersiap untuk memasuki kota Benua Keling itu dan untuk memulakan pemerintahan yang baru bagi menggantikan Raja Benua Keling yang telah mati di medan peperangan.

### **4.3 Pemimpin Menunaikan Amanah**

Amanah merupakan satu perkara yang amat berat untuk dilaksanakan. Amanah adalah kepercayaan, kesetiaan atau ketulusan hati. Amanah itu adakalanya berbentuk rahsia, benda, tugas, jawatan dan sebagainya (Kasmuri Selamat Ma, 2000: 25). Bagi menatar sebuah kehidupan yang sempurna, amanah bukan sahaja melibatkan manusia dengan Allah S.W.T tetapi turut melibatkan amanah antara manusia dengan manusia. Manusia telah diberi kepercayaan memikul dan melaksanakan Islam. Sifat amanah secara operasional pula memerlukan penampilan rupa diri dan prestasi yang dengannya seseorang itu dapat mengamankan perasaan orang lain

Dalam konteks *Hikayat Raja Nazir Syah*, Raja Nazir Syah merupakan seorang pemimpin yang amanah semasa pemerintahannya. Sebelum Raja Benua Keling mati dibunuh oleh Raja Nazir Syah di medan peperangan, baginda telah mewasiatkan kepada Raja Nazir

Syah supaya tidak membunuh atau mengapakan anak dan isteri baginda. Petikan berikut adalah menggambarkan perbualan antara Raja Keling dan Raja Nazir Syah di medan peperangan sebelum Raja Keling itu dibunuh:

“Hai Raja Nazir Syah ketahuilah olehmu bahawa aku kepada hari ini alamat diriku akan mati dalam tanganmu tetapi ada suatu pintaku kepadamu jika aku sudah mati berbuat syafaatlah engkau akan anak isteriku janganlah engkau perbinasakan dia kerana ia itu yatim piatu”.

*(Hikayat Raja Nazir Syah: 32)*

Frasa ayat “Jika aku sudah mati berbuat syafaatlah engkau akan anak isteriku janganlah engkau perbinasakan dia kerana ia itu yatim piatu” dalam petikan di atas menunjukkan amanat yang disampaikan Raja Benua Keling kepada Raja Nazir Syah sebelum baginda mati supaya tidak melakukan sesuatu yang buruk ke atas diri anak dan isteri baginda selepas kematiannya. Oleh yang demikian, selepas Raja Nazir Syah berjaya menduduki pemerintahan, baginda telah menitahkan kepada Mangkubumi supaya menjaga dan memberi keperluan seperti mana Raja Benua Keling menjaga anak dan isteri baginda. Petikan berikut menunjukkan Raja Nazir Syah menjalankan amanahnya dengan menitahkan kepada Mangkubumi supaya menjaga anak dan isteri Raja Benua Keling dengan baik:

Maka titah baginda Raja Nazir Syah, “Hai Mangkubumi! Adapun akan negeri Keling ini telah aku serahkan kepadamu aku tahu akan baiknya juga kepadamu dan seperti anak menteri Raja Keling itu peliharakan oleh mu baik-baik makan pakaian hendaklah engkau beri bagaimana ada raja itu juga jangan engkau ubahkan.” Maka Mangkubumi Keling pun sujud menyembah seraya mengangkat kalanya seraya berdatang sembah, “Ya Tuanku Syah Alam! Yang mana titah yang dipertuan hamba junjung masa berani hamba melalui titah Syah Alam.” Setelah sudah maka baginda pun berangkatlah masuk ke dalam istana, maka segala yang mengadap pun masing-masing pulang ke tempatnya menyuruhkan segala rakyat berhadir kerana lima belas hari lagi baginda akan berangkat kembali itu.

*(Hikayat Raja Nazir Syah: 42)*

Petikan di atas menunjukkan Raja Nazir Syah seorang pemimpin yang beramanah kerana telah bertanggungjawab dalam amanah yang diberikan kepada baginda untuk menjaga anak dan isteri Raja Benua Keling. Sikap amanah yang ditunjukkan oleh Raja Nazir Syah ini adalah bertepatan dan memenuhi sifat yang harus ada pada seseorang pemimpin, seperti yang diajukan dalam model kepimpinan yang telah dibincangkan sebelum ini. Amanah ini menekankan mengenai tanggungjawab para pemegang amanah dalam organisasi. Ini merangkumi kesemua pihak sama ada amanah yang dipertanggungjawabkan itu adalah orang muslim atau bukan muslim. Amanah merupakan satu etika yang berkaitan dengan hubungan sosial. Apabila seseorang itu dilantik sebagai pemimpin satu kumpulan atau organisasi, beliau sebenarnya memegang amanah kumpulan atau organisasi tersebut. Menurut Locke (1991) kepimpinan yang berkesan dan baik perlu mempunyai sifat-sifat seperti jujur dan berintegriti. Ini bermakna, pemimpin yang dilantik sanggup mencurahkan segala keringat dan usaha untuk melaksanakan amanah yang diberi tanpa mengira waktu, wang atau kerahan tenaga. Hal ini bersesuaian dengan model kepimpinan iaitu pemimpin menunaikan amanah seperti dalam Rajah 1 sememangnya berketepatan digunakan sebagai menganalisis aspek-aspek kepimpinan yang terdapat pada *Hikayat Raja Nazir Syah* ini.

#### 4.4 Mengamalkan Sistem Muafakat Dalam Pentadbiran

Permuafakatan ialah suatu perbuatan yang positif yang telah wujud sejak dahulu lagi dalam masyarakat. Permuafakatan adalah penting terutamanya dalam membuat sesuatu keputusan atau dalam melakukan sesuatu pekerjaan yang melibatkan kepentingan bersama. Melalui muafakat ini juga sesuatu persoalan dapat diselesaikan dengan baik dan sempurna. Kata sepakat akan membawa hasil yang terbaik dalam sesebuah keputusan.

Sistem permuafakatan di dalam *Hikayat Raja Nazir Syah* dapat digambarkan semasa Raja Nazir Syah cuba membuat keputusan untuk menyerang Benua Keling. Namun baginda telah menerima cadangan atau pendapat daripada Mangkubumi yang merupakan orang lama yang berpengalaman. Mangkubumi telah menyarankan kepada Raja Nazir Syah supaya mengutus sepucuk surat melalui utusan yang diutuskan ke Negeri Benua Keling. Empat orang pahlawan telah dipilih untuk dihantar ke Benua Keling untuk menyerahkan sepucuk surat sebagai perundingan untuk Raja Benua Keling bersetuju berkhidmat di bawah takluk Negeri Dali. Gambaran ini dapat dilihat berdasarkan di bawah contoh surat yang telah dihantar oleh Raja Nazir Syah kepada Raja Benua Keling:

“Bahawa ini surat daripada Raja Nazir Syah yang kerajaan dalam kerajaan negeri Dali yang amat pahlawan tiada berlawan di tengah medan peperangan. Datang kepada Raja Benua Keling yang amat arif lagi bijaksana bertambah-tambah dengan budiman memerintahkan segala rakyat isi negerinya. Maka masyhurlah namanya datang ke bawah angin.

Syahdan, maka sekarang ini, maka adalah kita memberi surat kepada saudara kita d-r-s-j-l kita hendak muafakat dan berkasih-kasih dengan saudara kita supaya masyhurlah nama kedua tersebut kepada hari yang kemudian. Dan jika ada luas seperti permintaan kita maka hendaklah saudara kita mengantarkan ufti negeri Keling pada segenap tahun ke negeri Dali dan lagi suratkan nama kita di dalam sikah darham di negeri saudara kita itu. Dan jikalau saudara kita tiada menurut seperti yang dalam surat kita ini, maka hendaklah saudara kita ingat-ingat jangan alpa dan hendaklah himpulkan segala rakyat Benua Keling sekaliannya suruh hadir dengan segala alat senjatanya dan hendaklah saudara kita pun perteguh kota parit Benua Keling demikianlah adanya, Tamat.”

(*Hikayat Raja Nazir Syah*: 6)

Berdasarkan petikan ini, Raja Nazir Syah cuba menjalinkan hubungan dua negara melalui pemuafakatan yang ingin dijalinkan berdasarkan frasa ayat “Kita hendak muafakat dan berkasih-kasih dengan saudara.” Baginda juga meminta pemerintah Negeri Keling untuk menghantar ufti dan memasukan nama Raja Nazir Syah di dalam mata wang Benua Keling itu. Raja Dali itu juga telah memberi amaran jika Raja Benua Keling ingkar dengan arahan itu, maka Raja Nazir Syah akan menyerang negeri itu. Setelah Raja Benua Keling mendengar isi surat yang dibaca oleh Mangkubumi, baginda telah murka dan menitahkan kepada utusan Dali itu supaya pulang dan menyampaikan kepada Raja Nazir Syah bahawa baginda sanggup berperang mempertahankan Benua Keling ini daripada berkerajaan di bawah naungan Negeri Dali itu.

Dalam konteks yang sama di pihak Raja Benua Keling, proses permuafakatan juga turut berlaku selepas kematian Raja Benua Keling di tangan Raja Nazir Syah. Mangkubumi Benua Keling dan para pembesar bermesyuarat dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi rakyat dan negeri itu. Keadaan ini berlaku kerana Raja Nazir Syah dan bala tenteranya

semakin hampir dengan istana Benua Keling itu. Hasil permuafakatan itu ke semua para menteri bersetuju untuk membuka pintu Kota Keling dan menjemput Raja Nazir Syah sebagai raja baru mereka. Berikut adalah contoh petikan yang menerangkan keadaan perbicangan antara Mangkubumi dan para menteri:

Syahdan adapun akan segala Menteri dan hulubalang pahlawan Keling yang tinggal itu pun duduklah mesyuarat dengan segala orang besar-besarnya sekalian akan hal Raja Nazir Syah sudah datang berhenti di luar kota itu. Maka kata menteri yang tua-tua, “Hai segala Tuan-tuan sekalian! Kepada bicara hamba ini baiklah kita sekalian segera keluar kota pergi mengalu-alukan Raja Nazir Syah itu persilakan masuk ke dalam kota serta kita serahkan segala kunci khazanah raja kita ini kepadanya supaya kita sekalian dapat aman kepada baginda itu. Jikalau kita sekarang berdiam-diam dalam kota ini nescaya datang suatu bencana kepada kita dan baginda itu pun mungkin bertambah-tambahlah murka kepada kita sekalian kerana dunia ini berubah-ubah dahulunya lagi. Ada zamannya baginda itu ialah kita pertuan akan sekarang baginda itu pun sudah hilang barang siapa membunuh dia ialah kita sekalian pertuan pula, apatah yang tuan-tuan sekalian bicara akan lagi?” Setelah segala menteri dan hulubalang pahlawan segala orang besar-besarnya itu mendengar kata segala menteri yang tua-tua itu maka sekaliannya pun berkata, “benarlah seperti bicara tuan hamba itu. Jika demikian marilah kita segera keluar mengadap baginda itu supaya jangan menjadi kesalahan kepada baginda itu.”

*(Hikayat Raja Nazir Syah: 35)*

Akhirnya, Mangkubumi dan para pembesar Benua Keling telah keluar dan telah mengadap Raja Nazir Syah untuk menjemput baginda masuk ke Kota Keling untuk menggantikan Raja Benua Keling yang telah mati untuk meneraju negeri itu sebagai pemerintah yang baru. Selepas mengampunkan kesalahan para menteri, baginda telah berangkat masuk ke Kota dan telah disambut dengan meriah oleh para pembesar, orang-orang kaya dan rakyat jelata sekaliannya. Hasil permuafakatan para pembesar itu telah berjaya mengembalikan keamanan dan kestabilan Benua Keling itu.

Jelaslah bahawa permuafakatan dalam urusan pentadbiran mampu menghasilkan keputusan yang positif dan serta dapat mengelakkan perkara yang buruk berlaku kepada negara akibat sikap membuat keputusan dengan terburu-buru dan tanpa meminta pendapat pembesar yang berpengalaman dan arif dalam urusan pentadbiran negara. Hal ini bersesuaian dengan model kepimpinan dalam Rajah 1 iaitu mengamalkan sistem muafakat dalam pentadbiran adalah bertepatan dengan aspek-aspek kepimpinan yang terdapat dalam *Hikayat Raja Nazir Syah*. Sistem muafakat yang diamalkan ini bertepatan dengan pendapat yang diajukan oleh House dan Mitchell (1974) yang memperkenalkan empat gaya kepimpinan yang diamalkan oleh seorang pengarah salah satunya adalah gaya penyampaian iaitu merujuk kepada tingkah laku kepimpinan yang meminta pandangan orang bawahan dan menggunakan pandangan mereka sebelum membuat keputusan.

#### **4.5 Mengatur Strategi Ketenteraan Yang Berkesan**

Strategi ketenteraan ialah set idea yang digunakan oleh organisasi tentera untuk melancarkan matlamat strategik yang ingin dicapai. Istilah strategi adalah berasal daripada perkataan *stratego* (perkataan Greek) yang bermaksud saluran-saluran yang ada bagi ketenteraan. Strategi adalah cara-cara penggunaan ketenteraan (*the use of force*) yang digunakan oleh

sesebuah negara untuk mencapai sesuatu matlamat. Secara umumnya, strategi mempunyai hubungan yang rapat dengan sesuatu perancangan peperangan dan cara pelaksanaan sesuatu peperangan. Menurut Sivachandranlingam (2001), strategi merupakan seni merancang dan mengatur untuk memperdayakan musuh atau dianggap sebagai kebijaksanaan dalam mengendalikan peperangan. Liddle Hart (1967) pula mendefinisi strategi sebagai *The art of distributing and applying military means to fulfill the ends of policy*. Beliau juga menyatakan strategi ialah seni pengagihan dan menggunakan saluran tentera bagi melaksanakan sesuatu dasar. *penetration* (penyusupan), *encirclement* (pengepungan) dan *envelopment* (menyelubungi).

Berdasarkan kenyataan ini, beberapa strategi ketenteraan yang terdapat dalam *Hikayat Raja Nazir Syah* yang boleh diketengahkan. Strategi ketenteraan Raja Nazir Syah boleh dibahagikan kepada beberapa aspek seperti menguasai tempat yang strategik, masa peperangan, menggunakan pasukan pemanah, strategi kepungan dan serangan bertubi-tubi, menyusun pasukan tentera secara saf dan teknologi ketenteraan.

### *Menguasai Tempat Strategik*

Menguasai tempat yang strategik adalah perancangan yang memberi kesan yang baik kepada tentera-tentera Raja Nazir Syah. Angkatan tentera Negeri Dali telah berjaya mengalahkan beberapa kawasan takluk Benua Keling bagi melemahkan pertahanan negeri itu. Setelah sampai di Benua Keling, Raja Nazir Syah telah memilih sebuah padang yang besar dan tidak jauh daripada ibu kota Benua Keling. Raja Nazir memilih tempat ini juga kerana sesuai dan mampu menampung jumlah angkatan tenteranya yang ramai. Petikan di bawah menerangkan strategi pemilihan tempat yang strategik yang dipilih oleh Raja Nazir Syah:

Hatta beberapa lama ia berjalan itu, maka sampailah kepada jajahan Benua Keling itu. Maka segala pemangkir negeri itu pun semuanya dibinasakan oleh lasykar Dali itu merampas segala hartanya dan ditawannya segala orang yang melawan habislah dibunuhnya yang setengah larilah masuk ke dalam negeri membawa anak bininya dan harta benda yang mana tiada sempat lari habislah ditawannya, maka Raja Nazir Syah pun datanglah kepada suatu padang diluar negeri Keling itu terlalu amat luas seolah-olah kira-kira setengah hari perjalanan jauhnya. Di sanalah ia berhenti membuat khemah.

(*Hikayat Raja Nazir Syah*: 12)

Berdasarkan petikan tersebut, setelah Raja Nazir Syah sampai ke Benua Keling, angkatan tentera Dali telah berjaya menumpaskan angkatan tentera Benua Keling dan melemahkan sistem pertahanan negara itu. Raja Nazir Syah telah memilih satu tempat yang sesuai sebagai pengkalan tenteranya dan tempat untuk merancang serangan seterusnya. Pemilihan padang yang luas memang sesuai untuk pergerakan tentera terutamanya tentera berkuda dan bergajah semasa pertempuran berlaku. Wajarliah Raja Nazir Syah memilih sebuah padang yang luas untuk dijadikan medan pertempuran mereka.

### *Masa Peperangan*

Dari segi penetapan masa untuk berperang pula angkatan tentera Negeri Dali dan Benua Keling juga turut disusun bagi membolehkan anggota tentera berehat dan melengkapkan diri untuk peperangan yang seterusnya. Kedua-dua pemerintah selaku ketua angkatan perang telah

bersetuju masa peperangan adalah dari waktu pagi hingga petang sahaja. Petikan mengenai waktu peperangan telah dinyatakan oleh pengarang hikayat ini seperti berikut:

Arakian, setelah hari dinihari fajar pun belum, maka bulan dan bintang belum padam cahayanya dan segala unggas pun belum keluar dari sarangnya dan segala mergastua belum mencari mangsanya dan segala ular dan kala pun belum keluar daripada lubang dan harimau pun belum keluar daripada belukarnya. Maka berbunyiilah gendang perang daripada kedua pihak[t] itu terlalu azimat bunyinya, maka segala hulubalang dan pahlawan bangunlah memakai segala alat senjatanya lalu naik ke atas kudanya berdiri di medan bersiap-siap menantikan rajanya.

*(Hikayat Raja Nazir Syah: 21)*

... Maka hari pun malamlah, maka gendang kembali pun dipalu oleh oranglah. Maka kuda pihak[t] lasykar itu pun kembali mas(i)ng-mas(i)ng kepada tempatnya mengadap rajanya, maka dikurnia persalin dengan sepertinya sert(a) dipujinya dengan laki-laki dan mana yang mat(i) disuruh tanamkan dan segala yang luka disuruhnya ubati.

*(Hikayat Raja Nazir Syah: 18)*

Petikan tersebut memperlihatkan situasi masa peperangan di antara bala tentera Dali dan bala tentera Benua Keling. Gambaran persediaan untuk memulakan peperangan dapat dilihat dalam pertama dan manakala frasa “maka hari pun malamlah, maka gendang kembali pun dipalu oleh oranglah” bermaksud peperangan ini akan berakhir pada waktu malam. Bagi mengetahui masa peperangan dan masa tamat berperang, beberapa anggota tentera telah ditugaskan untuk memalu gendang sebagai isyarat untuk kembali ke pengkalan tentera masing-masing. Kepentingan strategi dari aspek masa amat penting kepada tentera semasa peperangan selain untuk berehat, tentera yang cedera boleh dirawat dan pemimpin tentera boleh merangka strategi peperangan yang baru untuk mengalahkan musuh dalam peperangan seterusnya.

#### *Menempatkan Pasukan Tentera Bergajah, Berkuda dan Pemanah*

Semasa peperangan di antara Raja Nazir Syah dan Raja Benua Keling berlaku, Raja Nazir Syah telah menempatkan angkatan tentera bergajah, berkuda dan pemanah di bahagian depan untuk barisan pertama yang akan memecahkan pertahanan angkatan Benua Keling itu. Percaturan tiga pasukan ini semamangnya memberi kesan kepada angkatan Dali kerana dapat melemahkan bahagian pertahanan tentera Benua Keling. Tentera Benua Keling terpaksa menempuh tiga serangan daripada tentera Dali iaitu serangan tentera bergajah yang besar dan kuat, tentera berkuda yang menggunakan kuda yang pantas dan membawa pedang untuk membunuh musuh semasa pertempuran. Seterusnya mereka akan menghadapi pasukan pemanah sebagai sokongan untuk memperkuatkan lagi serangan terhadap bala tentera Benua Keling. Petikan berikut adalah untuk menerangkan strategi susunan tentera Dali:

Maka segala hulubalang dan pahlawan yang gagah-gagah itu pun diaturnya dihadapan dengan dua belas itu ribu kuda semberani, sudah itu baharulah segala menteri yang besar-besar berantara kiri kanan baginda dan empat ribu

---

gajah yang mata-mata berdiri dihadapannya baginda dan Mangkubumi dengan segala menteri yang tua-tua ...  
... segala rakyat yang tiada di termanai banyaknya sekalian itu memegang panah dan samar dan pendahan

(*Hikayat Raja Nazir Syah: 20*)

Berdasarkan petikan tersebut, strategi peperangan yang menempatkan pasukan bergajah, berkuda dan pasukan pemanah merupakan satu corak yang berkesan dan mampu mengucar-kacirkan pihak lawan dan memusnahkan pertahanan tentera itu.

#### *Strategi Serangan Bertubi-tubi dan Susunan Pasukan Secara Bersaf*

Raja Nazir Syah dan Raja Benua Keling menggunakan strategi serangan bertubi-tubi. Serangan ini mampu melemahkan pasukan lawan dan mengucar-kacirkan barisan pertahanan yang disusun. Strategi ini merupakan perang psikologi yang mana melemahkan moral pasukan lawan kerana telah berjaya mewujudkan sikap gementar, ngeri dan takut kepada tentera. Pengarang *Hikayat Raja Nazir Syah* telah menceritakan suasana semasa serangan ini berlaku dan kesan ke atas strategi ini digunakan seperti contoh petikan di bawah:

Setelah datanglah berhentak lalu mengikut perang naga berjuang namanya mengantar segala hulubalang dan pahlawan yang gagah-gagah itu di hadapannya dan Mangkubumi dengan segala Menteri yang besar-besar berdiri dikiri kanan baginda dan segala Bentara Biduanda dan Sida-sida berdiri dibelakang baginda maka Raja Nazir Syah sama tengah adalah rupa baginda itu seperti naga hendak menyambar rupanya. Setelah berhadaplah kedua pihak lasykar itu maka berbunyilah gendang perang dari sebelah pihak Benua Keling maka disahuti oleh pihak Benua Dali. Maka kuda pihak itu pun merebahkan tombaknya lalu berperang beremuk-remukan ada yang menikamkan tombaknya ada yang memarangkan seperti ada menetakkan pedangnya ada yang memalukan copmarnya berlalu ramai perang itu gegak-gempita bahananya tiada sangka bunyinya lagi dan bunyi sorak dan tempik kedua pihauk itu seperti gunung bersabung rupanya.

(*Hikayat Raja Nazir Syah: 23*)

Gambaran serangan yang bercorak secara bertubi-tubi seperti dalam petikan di atas telah menggambarkan bagaimana suasana semasa serangan itu. Frasa “merebahkan tombaknya lalu berperang beremuk-remukan ada yang menikamkan tombaknya ada yang memarangkan seperti ada menetakkan pedangnya” menunjukkan serangan berlaku di setiap posisi tidak kira tentera berkuda mahupun tentera berjalan kaki (*Infantri*) masing-masing menggunakan senjata untuk untuk melumpuhkan musuh. Perpecahan barisan pertahanan telah menyebabkan kelemahan tentera itu telah dikesan.

Dalam hikayat ini, diperihalkan bagaimana Raja Nazir Syah dan Raja Benua Keling telah menggunakan strategi menyusun pasukan secara bersaf semasa melakukan serangan. Susunan Saf ini mengikut jumlah angkatan tentera dan dalam *Hikayat Raja Nazir Syah* pengarang telah menggambarkan bagaimana susunan saf ini berlaku seperti petikan di bawah:

... berkibaranlah segala tunggul panji-panji yang bermalainkan mutiara beraturlah segala gajah yang mata-mata seribu dikanan baginda dan seribu

dikiri baginda dan Mangkubumi dengan segala Menteri yang besar-besar empat ratus banyaknya sekalian naik gajah mengiringkan dari belakang baginda berbagai-bagailah rupanya segala Menteri itu seperti awan beraraklah rupanya dilihat oleh orang. Maka dibelakang Mangkubumi itu empat puluh ribu segala hulubalang dan pahlawan yang ternama-nama sekaliannya mengenderai kuda sembarani. Sesetiba dengan segala alat senjatanya. Maka segala hulubalang dan pahlawan yang gagah-gagah lagi perkasa itu pun semuanya berjalan dahulu dengan tempik soraknya seperti akan kiamat lakunya. Setelah sudah beratur itu, maka baginda pun berangkatlah keluar kota dengan segala bunyi-bunyian perang gemuruhlah bunyinya.

(*Hikayat Raja Nazir Syah*: 15)

Berdasarkan petikan tersebut, pengarang hikayat ini telah menggambarkan susunan barisan pertahanan tentera Benua Keling semasa menghadapi pihak lawan mereka iaitu angkatan tentera Negeri Dali. Barisan hadapan telah dianggotai oleh tentera bergajah, barisan kedua pula dianggotai oleh pasukan berkuda manakala barisan ketiga pula terdiri daripada tentera berjalan kaki (Infantri).

### *Teknologi Persenjataan*

Senjata merupakan satu alat yang digunakan untuk berperang. Menurut *Encyclopedia Britanica* (1995), senjata itu dimaksudkan sebagai “*Among primitive people the some object may be a weapon of war or on implement of agriculture or the hunt. Thus the Assan the knife has been used to fell tress, kill animals, defiend its owner, against human aggression, and take heads for him. A bow and arrow may be used for war or for hunting only.*” Secara kesimpulannya, senjata merupakan untuk memenuhi keperluan kehidupan sama ada untuk berperang, pertanian, mahupun untuk perburuan.

Dalam *Hikayat Raja Nazir Syah*, terdapat beberapa jenis persenjataan yang digunakan semasa peperangan berlaku. Teknologi persenjataan pada waktu itu masih lagi menggunakan senjata tradisional antaranya senjata seperti tombak, pedang dan panah. Semasa proses pertempuran berlaku pengarang hikayat ini banyak menggambarkan jenis-jenis senjata yang telah digunakan oleh tentera-tentera semasa peperangan. Petikan di bawah menunjukkan peralatan senjata digunakan dalam peperangan:

... Maka kedua pihak lasykar itu pun campur-baur tiadalah berkenalan lagi kawan dengan lawan terbanyak pula yang bertikam sesama sendirinya telah banyaklah darah tumpah ke bumi itu, maka lebu Dali- Dali itu pun hilanglah. Maka kelihatanlah orang berperang itu berpusing seperti jentera rupanya berusir-usiran. Dan segala berpedang bertetakkan pedang, dan segala yang bertombak bertikamkan tombak dan segala yang berpanah-panahan dan yang bersama itu memarangkan semuanya. Dengan yang bergajah berjuang gajahnya sambil memalukan cerpunya dan yang berkuda itu bergigitkan kuda seraya menikamkan pendahannya terlalu ramai perang itu semua tiada dimahu endah kerana kedua pihakt lasykar itu semua beraninya. Maka terlalulah banyak mati antara kedua lasykar itu bangkai bertimbun-timbun seperti pusu dan darah mengalir di bumi ...

(*Hikayat Raja Nazir Syah*: 18)

Petikan tersebut menunjukkan angkatan tentera Negeri Dali dan Benua Keling menggunakan senjata tradisional semasa berperang. Pelbagai senjata yang digunakan seperti tombak, pedang dan panah digunakan oleh angkatan tentera kedua negara tersebut. Frasa “Maka terlalulah banyak mati antara kedua lasykar itu bangkai bertimbun-timbun seperti pusu dan darah mengalir di bumi” menunjukkan ramai bilangan tentera yang terkorban semasa peperangan berlaku di antara kedua negara ini. Jelaslah di sini bahawa, menguasai tempat yang strategik, masa peperangan, menempatkan pasukan bergajah, berkuda dan pemanah serta strategi serangan secara bertubi-tubi dan susunan pasukan tentera secara bersaf adalah menunjukkan bahawa mengatur strategi ketenteraan yang berkesan merupakan kelebihan yang ada pada diri Raja Nazir Syah dan Raja Benua Keling. Hal ini bertetapanlah dengan model kepemimpinan seperti yang telah dinyatakan dalam Rajah 1 iaitu mengatur strategi peperangan yang berkesan.

## 5. Kesimpulan

*Hikayat Raja Nazir Syah* merupakan salah satu manuskrip yang mempunyai aspek kepemimpinan dalam pengisiannya. Hikayat ini juga memberi pengajaran kepada pemerintah atau pemimpin pada masa akan datang untuk memahami tugas dan peranan mereka sebagai ketua dalam sesebuah organisasi. Untuk mencapai matlamat dalam organisasi, satu perancangan yang diperlukan untuk mempengaruhi orang lain atau orang bawahan untuk bersama-sama dalam mencapai matlamat yang diinginkan. Raja Nazir Syah dan Raja Benua Keling telah membuktikan pemimpin yang berkepemimpinan mampu membawa kejayaan kepada negara dan ketiadaan pemimpin yang berkepemimpinan boleh membawa kemusnahan kepada negara yang dibina.

Model kepemimpinan yang dibentuk adalah berdasarkan aspek-aspek kepemimpinan yang terdapat di dalam *Hikayat Raja Nazir Syah*. Kejayaan dalam pemerintahan negara adalah faktor kepada sikap kepemimpinan yang ada dalam diri pemimpin itu telah membawa kejayaan kepada negara. Raja Nazir Syah dan Raja Benua Keling merupakan contoh pemimpin yang berkepemimpinan telah berjaya menjadikan negara mereka sebuah negara berkuasa besar dan mampu membentuk sebuah negara yang aman dan harmoni.

Berdasarkan model kepemimpinan yang diketengahkan bahawa di dalam *Hikayat Raja Nazir Syah*, terdapat beberapa aspek kepemimpinan yang boleh dijadikan sebagai tauladan, nasihat dan maklumat tambahan kepada pemimpin untuk menjadi pemimpin yang berkepemimpinan. Sikap bertanggungjawab kepada rakyat dan negara merupakan contoh kepemimpinan yang terdapat di dalam teks ini. Pemimpin atau pemerintah mestilah bertanggungjawab dalam menjaga kebajikan dan keselamatan rakyat dan negara daripada acaman musuh. Pemimpin juga haruslah mengamalkan sistem muafakat dalam pentadbiran ini kerana hasil perbincangan mampu menghasilkan keputusan yang sempurna. Perbincangan secara muafakat dapat mengelakkan pemimpin daripada membuat keputusan secara melulu yang boleh merosakkan negara.

Seorang pemimpin yang berkepemimpinan akan berlaku adil kepada orang bawahannya. Pemimpin yang adil akan membahagikan sama-rata hasil negara kepada mereka yang berhak. Pemimpin juga perlu berlaku adil dalam menjatuhkan hukuman kepada pesalah supaya tidak berlakum kezaliman. Pemimpin yang baik adalah pemimpin yang menunaikan amanah yang dipertanggungjawabkan. Pemimpin yang menjalankan amanah ini akan disanjung dan dipandang tinggi oleh rakyat. Mengatur strategi ketenteraan yang berkesan dan mampu dalam mempertahankan negara daripada musuh adalah kepemimpinan yang perlu ada dalam diri setiap pemimpin. Strategi yang berkesan akan menyebabkan negara-negara luar tidak akan mudah untuk mencerooboh dan merampas kerajaan yang sedia ada. Kepemimpinan merupakan suatu

keperluan dalam membina kekuatan organisasi terutama dalam memimpin organisasi ke arah menuju dan mencapai matlamat yang ingin dicapai bersama.

## Rujukan

MF 305 *Hikayat Raja Nazir Syah*

Abdul Samad Ahmad (pngr).(1986). *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Muhammad al-Hufy. (1978). *Akhlak Nabi Muhammad SAW* (Keluhuran dan Kemuliaan). Jakarta: Bulan Bintang.

Abdul Monir Yaacob. (1995). *Pemerintahan Masyarakat Islam Dalam Masyarakat Majmuk*. Kuala Lumpur: Dewa Bahasa Dan Pustaka.

Amstrong, M. (2000). *Manajemen Sumber Daya Manusia*, Terjemahan Indonesia. Jakarta: Elex Media Komputindo.

C.I. Barnads. (1948). *Organization And Management*. Cambridge: Havard University Press.

Cohen dan Prusak. (2001). *In Good Company: How Sosial Capital Makes Organization Work*. USA: Havard Business School Press.

Drucker, Peter F. (1992). *Managing For The Future: the 1990s and beyond*. Oxford: Butterworth Heinemann.

Erika, L. (2000). *Tooling for Leadership*. Profession Manager. Nov pp 10-12

Fathi Yakan. (1994). *Menuju Kepada Islam Mengajak Umat ke Jalan Allah*. Kuala Lumpur: Pustaka Hizbi.

Fiedler, E.C. (1967). *A Theory of Leadership Effectiveness*. New York: MC. Grow Hill Book Company

House, R.J dan Mitchell, T.R. (1974). "The Part-Goal Theory and Leadership." *Journal of Contemporary Business*. 3. 81-97.

Hoy, W. K., & Miskel, C. G. (2008). *Educational Administration Theory, Research and Practice*. New York: McGraw-Hill

Jaafar Muhammad. (1992). *Asas Pengurusan*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Kasmuri Selamat Ma. (2000). *Melatih Diri Menuju Jalan Sufi*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Liddell Hart, B.S. (1967). *The Classic Book on Malitary Strategy*. USA: Penguin Books.

Locke. (1991). *The Essence of Leadership, The Four Keys to Leading Successfully*. New York: Lexington Books

Razali Mat Zain.(2004). *Kepimpinan dalam Pengurusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Siagian, Sondang P. (2007). *Manajemen Sumber Daya Manusia*. Jakarta : Bumi Aksara

Sivachandralingam Sundara Raja, (2001). *Tamadun Eropah*. Selangor: Fajar Bakti.

Syed Husin Ali. (1975). *Malay Peasant Society and Leadership*. Kuala Lumpur: OxfordUniversity.

Tengku Iskandar. (1970). *Kamus Dewan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Terjemahan al-Hidayah al-Quran al-Karim (Rasm Uthmani) dalam Bahasa Melayu.

(2011). Selangor: Al-Hidayah House Of Qura'an Sdn Bhd.

*The New Encyclopedia Britannica*. (1995). 15 edition. Chicago. Encyclopedia Britannica.

Wan Mohd Zahid Wan Nordin (1993). *Wawasan Pendidikan: Agenda pengisian*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.

Yulk. G. (1994). *Leadership in organizations*. 3th edition. New Jersey: Prentice Hall.

Yulk. G. (2002). *Leadership in organizations*. 5th edition. New Jersey: Prentice Hall.